

23/05/2005

Mahathir-Lucah

DR MAHATHIR CADANG GUNA PERISIAN KHAS HALANG AKSES BAHAN LUCAH DI INTERNET

MELAKA, 23 Mei (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berkata perisian khas komputer patut digunakan bagi menghalang remaja mengakses laman web lucah di internet yang mendorong mereka terbabit dalam kes rogol.

Bekas Perdana Menteri itu berkata beliau mengetahui bahawa perisian tersebut boleh didapati di negara ini.

"Tapi saya tahu banyak orang tidak mahu belanja untuk beli perisian ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Persidangan Antarabangsa mengenai Pengurusan Teknologi, Maklumat dan Komunikasi di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan dan ibu bapa patut memasang perisian tersebut memandangkan ramai remaja yang terlibat dalam kes rogol dan jenayah lain akibat daripada menonton bahan lucah itu yang mudah diakses melalui internet.

Katanya bahan lucah itu tidak sepatutnya dibenarkan dimasukkan ke dalam internet malah beliau pernah mencadangkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar memberitahu dunia supaya menghalang kemasukan bahan itu ke internet.

Malangnya ada pihak yang tidak bersetuju dengan pandangannya itu kerana menyifatkan tindakan sedemikian menghalang kebebasan orang ramai, katanya.

Beliau juga berkata penjualan video cakera padat (vcd) lucah termasuk di pasar-pasar malam perlu dibanteras kerana bahan lucah itu telah menyebabkan keruntuhan moral di kalangan remaja sehingga boleh mendorong mereka bertindak ganas.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Ali Rustam ketika berucap merasmikan persidangan itu yang dianjurkan Universiti Multimedia berkata, semua pihak perlu menguasai ilmu ICT untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata dalam dunia tanpa sempadan ini, kemudahan ICT menjadi semakin penting dan kerajaan sedang berusaha melengkapkan prasarana yang diperlukan.

-- BERNAMA

BD BK